



TEKS UCAPAN



**YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

**SAMBUTAN HARI HAK-HAK PENGGUNA SEDUNIA 2015
DI DEWAN SERBAGUNA KPDNKK, PUTRAJAYA
15 MAC 2015**

Salam sejahtera dan salam 1 Malaysia.

Yang saya hormati saudara dan saudari pengerusi majlis

[salutasi]

Seterusnya para hadirin yang saya hormati sekalian

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita sekali lagi berkumpul dan menyambut Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia bagi tahun 2015 pada hari ini.

Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia

Hadirin dan hadirat sekalian,

2. Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia mula disambut pada 15 Mac 1983. **Tarikh 15 Mac ini dipilih bagi memperingati tarikh hak-hak pengguna yang diperkenal dan diumumkan oleh Presiden John F. Kennedy pada tahun 1962.** Sambutan ini adalah lambang penyatuan semangat, pemuafakatan dan kerjasama di kalangan semua **gerakan kepenggunaan di peringkat antarabangsa.**

3. Sambutan ini juga bertujuan untuk **mempromosikan hak-hak asas pengguna** supaya ia dihormati dan dilindungi.

4. Terdapat **8 hak** asasi pengguna yang telah diterima secara global dan diambil kira ketika undang-undang yang berkaitan dengan pengguna digubal, dipinda atau dikaji semula. Lapan hak pengguna yang telah diterima secara universal adalah:

- i) **Hak mendapat keperluan asas;**
- ii) **Hak mendapat keselamatan;**
- iii) **Hak mendapat maklumat;**
- iv) **Hak membuat pilihan;**
- v) **Hak bersuara;**
- vi) **Hak mendapat gantirugi;**
- vii) **Hak mendapat pendidikan pengguna; dan**
- viii) **Hak mendapat alam sekitar yang sihat dan selamat.**

5. Tema sambutan Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia 2015 adalah '**Consumer Rights To Healthy Food**' atau **Hak Pengguna Untuk Pemakanan Sihat.**

6. Tema tersebut dilihat berkesinambungan kepada **usaha berterusan kementerian ini untuk melahirkan pengguna yang bijak, yang berdaya upaya dan mampu membuat pilihan serta tindakan terbaik.**

7. **Pemakanan yang tidak seimbang** akan mengakibatkan penyakit yang sukar untuk diubati. Berdasarkan kajian perubatan British, *The Lancet*, pada tahun 2014, Malaysia mempunyai kadar obesiti paling tinggi di Asia. Kita tahu penyakit akan meningkatkan kos perubatan dan aktiviti harian terganggu. Maka eloklah kita sebagai pengguna bijak sentiasa beringat dengan pepatah "**ingat sebelum kena, jimat sebelum habis**".

8. **Pengguna juga perlu memainkan tanggungjawab** untuk mendapatkan makanan yang bersih, sihat dan selamat dengan menyemak nutrisi, pelabelan makanan dan tarikh luput, keselamatan bekas yang digunakan, logo halal serta memastikan premis yang dikunjungi juga bersih.

9. Pelbagai **inisiatif** telah diperkenal dan diperhebatkan oleh kementerian ini bagi memastikan pengguna sentiasa dilindungi termasuk bekerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi serta NGO pengguna. Walau bagaimanapun, perkara utama yang perlu semua fahami ialah **perlindungan yang terbaik** adalah **perlindungan sendiri**.

10. Untuk makluman, berdasarkan kajian profil pengguna tahun 2009, **tahap kesedaran pengguna Malaysia adalah 58%**. Manakala kajian indeks pendaya upayaan pengguna oleh Macfea pada tahun 2013 menunjukkan **tahap pendaya upayaan pengguna hanya 52.6%**. Ini bermakna pengguna di negara ini **sedar** tentang "**hak asas**" mereka seperti **hak mendapat ganti rugi dan hak membuat pilihan** tetapi **tidak menterjemahkan dalam tindakan**.

11. Oleh yang demikian, pada tahun 2014, kementerian telah memperkenalkan **Pelan Pemerkasaan Pendidikan Kepenggunaan 2014-2020** dengan matlamat memperkasa pengguna melalui tindakan dan gerakan kepenggunaan. Sebanyak dua puluh (20) NGO telah bekerjasama mengikut fokus dan sasaran peserta seperti luar bandar, bandar, generasi muda termasuk pelajar institusi pengajian tinggi dan sekolah serta wanita. Di bawah

pelan jangka pendek yang dilaksanakan pada tahun lepas, sebanyak **347 program kepenggunaan** telah dilaksanakan di seluruh negara dengan penyertaan **99,734 peserta**.

12. Salah satu aspek **keberkesanan** yang boleh dilihat adalah melalui peningkatan **jumlah aduan yang diterima oleh kementerian** hasil dari program pemerksaan ini. Untuk makluman, jumlah aduan keseluruhan yang diterima dalam tahun 2014 adalah sebanyak 14,089 aduan dengan purata 1,174 aduan sebulan. Jumlah ini merupakan yang **tertinggi sejak tahun 2008, iaitu peningkatan 19% atau 2,238 aduan berbanding tahun 2013** iaitu sebanyak 11,851 aduan.

Para hadirin,

Cabaran pengguna tahun 2015

13. Melangkah ke tahun 2015, pengguna bakal berhadapan dengan isu kepenggunaan yang semakin mencabar. **Pengguna perlu bersedia dalam menghadapi keadaan ini** dengan mempertingkatkan maklumat kepenggunaan dari segala aspek termasuk sosial, ekonomi dan persekitaran semasa.

Pelaksanaan pengapungan terkawal (*managed float*) bagi petrol Ron95 dan diesel

14. Semua telah maklum bahawa bermula 1 Disember 2014, penetapan harga runcit bagi petrol Ron95 dan diesel adalah mengikut **kaedah pengapungan terkawal (*managed float*)**. **Melalui kaedah ini, purata perubahan kos produk akan menentukan penetapan harga bagi bulan berikutnya**. Ini bermakna jika harga pasaran minyak mentah dunia menurun, harga runcit Ron95 serta diesel juga menurun dan sebaliknya.

15. Walaupun tindakan kerajaan ini tidak popular dan telah dimanipulasi oleh sesetengah pihak, tetapi percayalah bahawa **penjimatan daripada rasionalisasi subsidi petrol** ini akan **dikembalikan semula kepada rakyat dalam pelbagai bentuk bantuan** seperti pembangunan infrastruktur, kesihatan, pendidikan dan lain-lain lagi. Buktinya, negara kita telah diuji dengan bencana banjir besar di pantai timur terutamanya di Negeri Kelantan, tetapi dengan semangat patriotik dan keprihatinan kerajaan, pembangunan ekonomi dan sosial rakyat di negeri-negeri terjejas dibantu tanpa mengira fahaman politik.

Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)

Hadirin yang dihormati sekalian

16. Seperti semua sedia maklum, kerajaan akan mula melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015. Saya faham bahawa **kebimbangan** rakyat terhadap kenaikan harga barangan adalah berasas. Ini kerana, apabila terdapat barangan yang sebelum ini tidak dikenakan GST, akan dikenakan cukai.

17. Namun pengguna perlu sedar akan **kepentingan pelaksanaan GST** kepada negara. **Menurut Institut Kajian Ekonomi Malaysia (MIER), GST dibangunkan khusus untuk meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan ekonomi negara supaya kutipan cukai tersebut boleh digunakan kembali untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan rakyat.** Ianya merupakan satu pembaharuan penting yang akan membantu kita membina ekonomi yang lebih kukuh, mampan dan telus.

18. Pada peringkat awal pelaksanaan, tentu akan wujud kekeliruan dalam kalangan pengguna. Dalam hal ini, **pengguna perlu mengambil tahu serba**

sedikit maklumat tentang sistem cukai baharu ini dan cara pelaksanaannya.

19. GST hanya boleh dikenakan kepada pengguna oleh syarikat yang mendaftar dan **pendapatan tahunan melebihi RM500,000 setahun**. Kedai runcit, kedai gunting rambut atau restoran yang berpendapatan **di bawah RM500,000 tidak layak mengenakan GST kepada pengguna** namun mereka boleh mendaftar secara sukarela.

20. Sekiranya pengguna mendapati terdapat peniaga yang menaikkan harga barangan sebelum dan ketika pelaksanaan GST, pengguna boleh **membuat aduan terus kepada KPDNKK** dan peniaga berkenaan boleh dikenakan tindakan di bawah **Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011**, dimana bagi **pertubuhan perbadanan** denda <RM500,000 bagi kesalahan pertama atau RM1juta bagi kesalahan seterusnya. Manakala denda **individu** <RM100,000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan seterusnya <RM250,000 atau penjara 5 tahun atau kedua-duanya.

21. Untuk makluman, kementerian telah **melancarkan Operasi Antipencatutan ataupun Ops Catut sebagai persediaan kementerian dalam menghadapi pelaksanaan Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST)**. Bagi tempoh Ops Catut yang **bermula 15 Januari hingga 11 Mac ini, sebanyak 451,794 pemeriksaan premis telah dilaksanakan. Jumlah keseluruhan kes yang diambil adalah sebanyak 2,498 kes, dengan nilai rampasan berjumlah 426,857 dan nilai keseluruhan kompaun sejumlah 279,166.**

Shopper's guide

22. Di samping itu, KPDNKK juga telah mengeluarkan **buku 'Panduan Harga Pengguna' (Shopper's Guide)** sebagai panduan kepada pengguna tentang

perubahan harga 500 barangan keperluan asas bagi membantu pengguna membuat perbandingan harga barangan sebelum dan selepas pelaksanaan GST.

Kos Sara Hidup Dan Rasionalisasi Subsidi

23. Saya ingin meyakinkan kepada semua bahawa kerajaan sentiasa mencari jalan yang terbaik untuk kepentingan pengguna.

Kempen Penurunan Harga

24. Dalam membantu mengurangkan kos sara hidup pengguna, KPDNKK juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Menu Rakyat 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia, Kad Diskaun Siswa 1Malaysia dan sebagainya. Terbaharu adalah **Kempen Penurunan Harga mulai 1 Mac 2015** yang melibatkan penyertaan 15 pasaraya yang menawarkan **potongan harga sehingga 70% melibatkan lebih 82,000 barang**. Kempen yang tepat pada masanya itu dilancarkan sehari selepas pengumuman harga baru bahan api petrol pada 1 Mac lalu. Saya berharap **pengguna dapat memanfaatkan sebaiknya kempen ini**.

Hadirin dan hadirat sekalian,

25. Saya dan kementerian ini akan terus komited untuk mengadakan siri-siri perbincangan dengan **lebih banyak pasaraya, pengeluar dan pengusaha restoran** dalam usaha mewujudkan kesejahteraan pengguna yang berjumlah 30 juta orang ini. Namun, pelbagai inisiatif oleh kerajaan dalam mengurangkan kos sara hidup rakyat **akan hanya berjaya jika pengguna dan peniaga/pemain industri turut sama memahami hak serta memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing**.

26. Dalam era globalisasi dengan maklumat dihujung jari, saya berharap semua **pengguna supaya sentiasa proaktif dan juga bersikap selektif serta rasional** di dalam mendapatkan maklumat sebenar dengan merujuk kepada sumber-sumber yang berwibawa. **Pengguna perlu peka dan responsif terhadap persekitaran termasuklah mengubah amalan dan budaya hidup yang negatif.**

27. **Persatuan-persatuan pengguna juga mempunyai tugas dan tanggungjawab besar dalam hal ini. Peranan NGO-NGO pengguna ini sangat penting dan buat pertama kalinya dalam Bajet 2015 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, terdapat peruntukan khas di bawah Program MYNGO yang diselaraskan oleh Kementerian Kewangan.**

28. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah bekerjasama di dalam menjayakan program ini.

29. **Saya dengan lafaz bismillahi rahmanirrahim merasmikan sambutan Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia tahun 2015.**

Sekian, terima kasih.